

Spesifikasi Gred

Dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada spesifikasi dan kelonggaran gred seperti jadual berikut:

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran
Premium	Durian dalam gred ini mestilah daripada kualiti terbaik mengikut sifat-sifat varietinya. Tiap-tiap buah mestilah mengandungi 4 pangsa yang berisi. Duri mestilah sempurna bentuk tanpa patah dan pecah dihujungnya. Buah mesti bebas daripada kecacatan, kecuali kecacatan yang kurang jelas dan tidak menjejaskan keseluruhan buah, kualiti dalaman, kualiti simpanan dan persembahan dalam pembungkusan.	Maksimum 5% mengikut bilangan atau berat yang tidak mencapai keperluan gred tetapi memenuhi Gred 1 atau dikecualikan daripada kelonggaran Gred 1.
1	Durian dalam gred ini mestilah daripada kualiti baik mengikut sifat-sifat varietinya. Tiap-tiap buah mestilah mengandungi 3 pangsa yang berisi, tanpa menjejaskan bentuk buah. Duri mestilah sempurna bentuk dengan sedikit pecah dihujungnya. Sedikit kecacatan dibenarkan tetapi hendaklah tidak menjejaskan rupa bentuk buah, kualiti dalaman, kualiti simpanan dan persembahan dalam pembungkusan.	Maksimum 10% mengikut bilangan atau berat yang tidak mencapai keperluan gred tetapi memenuhi Gred 2 atau dikecualikan daripada kelonggaran Gred 2.
2	Buah dalam gred ini termasuk yang tidak mencapai gred di atas tetapi memenuhi keperluan minimum seperti dinyatakan. Setiap buah mesti mengandungi 2 pangsa yang berisi. Kecacatan yang tidak jelas boleh diterima tetapi tidak memberi kesan kepada isi buah.	Maksimum 15% mengikut bilangan atau berat yang tidak mencapai keperluan gred. Tetapi buah busuk, tidak boleh dimakan tidak termasuk.

Pengelasan Saiz

Saiz ditentukan oleh berat dalam unit kilogram (kg) seperti jadual berikut:

KOD SAIZ	BERAT (KG)
A	> 4.0
B	3.1 – 4.0
C	2.1 – 3.0
D	1.1 – 2.0
E	0.7 – 1.0

Untuk semua klasifikasi, kelonggaran saiz adalah 15% mengikut bilangan atau berat buah. Berkaitan dengan saiz yang lebih atau kurang yang dinyatakan dalam pembungkusan, tidak termasuk kod saiz E di mana buahnya kurang daripada 0.7 kg.

Keperluan Minimum

- Dalam semua kelas, tertakluk kepada peruntukan khas bagi setiap kelas dan kelonggaran yang dibenarkan, buah hendaklah;
 - Keseluruhan buah dengan bertangkai atau tanpa tangkai.
 - Segar, bebas daripada kotoran dan bahan-bahan asing.
 - Bebas daripada busuk, reput dan berpenyakit.
 - Agak bebas daripada kecacatan yang boleh dilihat.
 - Agak bebas daripada kerosakan yang disebabkan oleh perosak.
 - Bebas daripada kerosakan disebabkan perubahan suhu yang rendah atau tinggi.
 - Bebas daripada bau atau rasa asing.
- Buah telah mencapai bentuk sempurna yang sesuai mengikut kriteria dan varieti sepertimana kawasan di mana ia ditanam. Buah boleh masak selepas dituai dengan kualiti yang boleh diterima.
- Pertumbuhan dan keadaan durian hendaklah membolehkannya;
 - bertahan semasa pengangkutan dan pengendalian;
 - tiba dalam keadaan yang memuaskan ke destinasi.



BAHAGIAN REGULATORI
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1,
Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-6126 2020
Faks : 03-6138 5200 / 03-6120 2064
E-mel : fama@fama.gov.my



DURIAN
KEPENTINGAN
KUALITI
INDEKS
KEMATANGAN

SUHU
PASARAN
STANDARD
PASARAN



**KUALITI
DURIAN
BERPANDUKAN
MALAYSIAN STANDARD**

MS 2431:2011



PENANAMAN
BUNGGUSAN
SAIZ
VARIETI
SEGAR
TERBAIK

SPEKIFIKASI
GRED
KOMODITI



www.fama.gov.my

GPL

Durian

Durian atau nama botaninya *Durio zibethinus* L. daripada famili Bombacaceae tergolong dalam jenis buah yang bermusim. Durian juga dikenali sebagai "Raja Buah". Durian banyak ditanam di sekitar Asia Tenggara. Kawasan tanaman utama di Malaysia adalah di Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan dan Perak. Durian mengandungi fosforus, kalsium, kalium dan vitamin C.

Terdapat pelbagai varieti durian yang ditanam di Malaysia tetapi klon yang disyorkan untuk ditanam secara komersial ialah D24, D101 dan D197 (Musang King). Klon ini mempunyai permintaan yang baik di pasaran kerana rasanya yang enak serta kualiti rasa yang agak seragam.



Kepentingan Kualiti

Buah durian perlu dikendalikan dengan sebaiknya bermula daripada amalan ladang, pengendalian lepas tuai hingga ke peringkat pemasaran. Kematangan buah durian di Malaysia biasanya secara semula jadi, di mana buah yang matang akan gugur dari pokoknya. Bau atau aroma yang kuat menunjukkan buah durian telah mencapai tahap kematangan dan sesuai untuk dimakan. Pada suhu ambien (28°C) durian boleh disimpan atau dipasarkan untuk tempoh 2-3 hari. Durian sejuk beku yang disimpan pada suhu - 8°C boleh mengekalkan kualiti rasanya untuk tempoh 1 tahun.

Penguatkuasaan Peraturan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan hasil keluaran pertanian) 2008 atau GPL oleh FAMA adalah untuk memastikan semua keluaran pertanian perlu digred, dibungkus dan dilabel sebelum dipasarkan. Objektif peraturan ialah untuk memastikan semua hasil berkualiti dan selamat dimakan.


Kualiti Terbaik

Cukup matang, segar, bersih dan bebas daripada sebarang kecacatan dan kerosakan fizikal.



Kualiti Yang Diterima Pasaran

Cukup matang, segar, bersih, terdapat kecacatan minimum dan agak bebas daripada kerosakan fizikal.



Kualiti Yang Tidak Dikehendaki Pasaran

- Tidak cukup matang, tidak segar, kotor dan terdapat kecacatan bentuk dan rupa yang teruk.
- Kerosakan disebabkan oleh haiwan perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang menjejaskan jangkahayat dan kualiti.



Kotor




Merekah



Haiwan Perosak



Serangga Perosak



Busuk